

Jurnal Arkeologi Malaysia, 15, 2002

Seni dan Peradaban di Perak: Satu Tinjauan Sejarah

oleh

OTHMAN YATIM*

Pengenalan

Seni merupakan salah satu ciri tamadun. Ia juga sebagai penentu ketamadunan sesuatu wilayah. Rencana ini cuba menyusur galur sejarah perkembangan kesenian di Negeri Perak dengan memberi penekanan kepada beberapa unsur dan sumbangannya kepada pembinaan seni dan tamadun di negara ini. Secara ringkasnya, kesenian yang berkembang adalah sejajar dengan perjalanan sejarah di negeri ini, khususnya dan negara Malaysia amnya. Ia dapat dilihat dari dua aspek utama iaitu bukti kesenian dalam bentuk artifak dan non artifak iaitu seni persembahan. Seni persembahan yang dapat dikesan sehingga kini seperti dabus dan blotah dikatakan muncul atau diwarisi sejak akhir-akhir abad ke-18. Namun demikian, kita percaya seni persembahan yang lebih awal daripada itu telah ada, hanya bukti-bukti lisan mahupun tulisan belum dijumpai.

Sejarah seni dan tamadun negeri Perak telah lama wujud. Berdasarkan tapak-tapak jumaan arkeologi dari zaman pra-sejarah (zaman paleolitik, mesolitik, neolitik) dan seterusnya proto dan zaman sejarah, maka daerah kediaman yang wujud telah menghasilkan produk kesenian yang berkesinambungan. Jumaan hasil-hasil budaya masyarakat silam berupa tapak bengkel pembuatan alat-alat batu zaman paleolitik di Kota Tampan menjadi bukti susur galur sejarah awal negeri Perak. Tapak yang bertarikh 32,000 tahun (B.P) merupakan bukti (sebelum sekarang) kawasan kediaman

* Penulis adalah Prof. Madya di Muzium Seni Asia, Universiti Malaya

di Lenggong dan kawasan sekitarnya. Jumpaan yang berikutnya berupa rangka manusia. Manusia Perak yang paling lengkap dijumpai setakat ini memperkuatkan bukti di atas (Zuraina Majid: 1994). Jumpaan-jumpaan khususnya bersifat artifak seperti alat batu menjadi asas penting untuk melihat perkembangan awal kesenian. Walaupun sekilas lalu, alat-alat ini merupakan sebahagian bukti sejarah, yang bersifat fungsional. Bagi masyarakat awal, aspek estetika sesuatu bahan hasilan mereka adalah bagaimana sesuatu alat itu dapat membantu dalam kehidupan mereka secara efektif. Selain daripada aspek artifak fungsional, masyarakat awal juga mempunyai kecenderungan untuk berkomunikasi dengan ‘menulis’ mesej dalam bentuk yang amat terhad. Mereka bukan sekadar melukis di dinding-dinding gua, tetapi lukisan tersebut mempunyai makna-makna tertentu. Fenomena ini bukan berlaku di sesuatu tempat tertentu sahaja tetapi ia menjadi hukum alam bagi manusia sejagat - mereka perlu menyampaikan mesej.

Zarnan Klasik Hindu

Perkembangan seterusnya telah membabitkan pertembungan yang dipengaruhi oleh pengaruh agama khususnya Hindu dan Islam. Kedua-duanya memberikan implikasi yang lebih luas kepada sosio budaya masyarakat tempatan. Kedatangan agama Hindu yang dibawa oleh rahib-rahib Hindu memperkuatkannya lagi pandangan mereka terhadap seni dan ciptaan. Orang Melayu mulai diperkenalkan dengan sistem dewa dewi bagi Tuhan dan konsep stratifikasi masyarakat di mana adanya kalangan bangsawan dan orang bawahan. Golongan bawahan yang sebahagian daripadanya merupakan golongan artisan cuba merealisasikan pandangan tentang konsep ketuhanan melalui seni arca. Antara pusat kerajaan yang wujud dan memberikan dampak kepada perkembangan kebudayaan dan kesenian ialah Sriwijaya yang terbukti tersebar juga di Perak.

Ahli-ahli sejarah percaya bahawa pengaruh pusat pemerintahan Sriwijaya yang bermula sejak abad 7 - 13 Masihi di Sumatera juga terdapat di Perak. Selain di Perak, bekas-bekas kota Sriwijaya juga dijumpai di Kedah dan Perlis. Antara petunjuk yang boleh ditafsirkan sebagai persamaan pengaruh ialah aliran kesenian yang dikembangkannya iaitu aliran Mahayana. Mereka juga percaya, pengaruh kesenian yang terpancar dalam artifak dan senibina berasal dan dibawa dari Indonesia, bukan dari period Indianisasi yang lebih awal. Beberapa arca gangsa yang ditemui di Perak mempunyai persamaan dengan di Sumatera dan Selatan Thai dari zaman ini. Antara yang sering dirujuk ialah arca Boddhisatwa Awalokiteswara, yang dijumpai di Bidor. Arca ini tidak dihias secara ‘gaya Hindu Jawa’ dan ia mirip kepada jumpaan di Sumatra. ia diperkirakan dari abad 7 - 10 Masihi.

Satu lagi arca yang mewakili zaman ini ialah sebuah arca gangsa yang dijumpai dari Jalong, di Lembah Chemor. ia dijumpai di bawah bukit yang dipercayai bekas sebuah candi. Berkemungkinan, ia sebuah idol yang menggambarkan wajah seorang sami atau Brahmin, Menurut Dr. Griswold ia mungkin dibuat dalam abad ke-9 Masihi

oleh artis tempatan. Tambahan pula rupa parasnya mirip kepada wajah orang-orang tempatan. Perkembangan ini memberikan implikasi dan mempengaruhi hasil-hasil kesenian ketika itu. Namun demikian setelah kedatangan Islam yang melarang penganutnya mencipta patung-patung, maka aktiviti membuat patung tidak berkembang tetapi beberapa bentuk abstrak, konsep dan kepercayaan terus berkembang pada zaman Islam.

Zaman Islam: Batu Acheh

Bukti-bukti mengenai kedatangan Islam ke Malaysia amnya dan Perak khususnya amat sedikit. Bukti kedatangan Islam ke Perak sering dikaitkan dengan Batu Acheh. Batu Acheh merupakan sejenis batu nisan yang mendapat pengaruh daripada seni pertukangan di negeri Aceh, Sumatra. Berdasarkan kajian pada zaman awal (1475 hingga awal abad ke-16 M), jenis batu Acheh yang dijumpai di negeri-negeri Semenanjung Malaysia adalah batu yang dibawa dari Pasai. Selepas 1511 hingga abad ke-19 M, taburan batu Acheh ini didapati semakin meningkat kerana kemasukan pengaruh politik Aceh di Semenanjung termasuk Perak pada tahun 1620. Namun demikian, tiada tanda-tanda dimana batu Acheh ini dibuat di tempat ia temui termasuk di Perak. Ia berkemungkinan dibawa secara berterusan dari Pasai atau Aceh. Berdasarkan kajian, terdapat 23 pasang batu Acheh di Perak. (Lihat taburan peta). Antara yang penting ialah Makam Sultan Muzafer Syah. I, yang terclapat di Telok Bakung, berhampiran muara Sungai Perak. Baginda mangkat 1549, tetapi batu Acheh yang terdapat di makamnya telah ditukarkan pada awal abad ini.

Motif dan rekacorak pada batu Acheh ini merupakan media yang mempunyai elemen-elemen kesenian dan simbolisme tertentu. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, beberapa prinsip penting agama Hindu masih diamalkan dalam penghasilan artifik Islam walaupun mereka meninggalkan penciptaan patung-patung. Interpretasi para sarjana terhadap struktur dan rekabentuk batu Acheh tetap merujuk kepada Hinduisme. Puncaknya dikatakan miniatur stupa candi dan badannya dengan hiasan gunung-gunungan sebagai perlambangan alam kefanaan.

Beruas

Beruas dengan peradaban yang tersendiri merupakan sebuah kerajaan kuno di Perak. Wujud sejak abad ke-15 M. Salah satu andaian tentang nama Beruas berasal dari peristiwa Malik al Salih dari Aceh yang diusir dari istana oleh kekandanya Sultan Mahmud Az-zahir. Peristiwa itu berlaku menurut buku *Raja-raja dari Pasai* pada tahun 1456. Apabila baginda sampai di Kuala Sungai Beruas, baginda bersandar di bawah sebatang pokok yang baginda namakan pokok beruas. Antara pelbagai teori yang dikemukakan, sumber ini lebih dipercayai kerana di sekitar Beruas sekarang ini banyak batu-batu nesan yang dikelaskan sebagai nesan Acheh

(Othman Yatim dan Nik Hassan Shuhaimi: 1994). Kewujudan nesan Acheh ini, menjadi sebahagian daripada sejarah kesenian negeri Perak. Selepas beberapa peralihan dan serangan kuasa-kuasa luar, muncul kesultanan Perak yang bermula 1528. Sehubungan itu, sungguh pun belum dapat dibuktikan secara pasti, Beruas merupakan bermulanya dinasti Kesultanan Perak yang memerintah hingga ke hari ini. Makam baginda sebagaimana yang disebutkan menggunakan batu Acheh.

Seni Tembikar di Perak

Satu lagi warisan seni di negeri Perak ialah tembikar. Ia telah lama wujud sejak zaman pra-sejarah lagi. Antara tapak-tapak yang mempunyai bukti tembikar ialah dari Gua Badak, Lenggong dari bekas kerajaan Gangga negara, Manjong, Beruas dan Gua Kelawar. Rupa bentuk yang diciptakan didasarkan kepada fungsi gunaannya. untuk menakung air, sebagai bekas minuman, bekas makanan dan menyimpan bahan-bahan makanan untuk jangka panjang seperti jeruk dan pekasam. (Siti Zainon Ismail: 1986).

Semasa zaman penjajahan, sebagaimana yang dilaporkan oleh L. Wray (1903) bahawa terdapat empat lokasi penghasilan tembikar khususnya labu di Perak iaitu Kampung Kepala Bendang, Sayong, Pulau Tiga, Bukit Gantang dan Lenggong. Kecuali Bukit Gantang dan Lenggong, dua lokasi yang lain masih menghasilkan tembikar malah menjadi penyumbang tembikar negara. (Misroni Hj. Sulaiman: 2000). Manakala Kerajaan Negeri Perak melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Perak telah mengenalpasti beberapa tempat seperti Bota, Kg. Gajah, Beruas, Sitiawan, Hutan Melintang, Changkat Jong dan Durian Sebatang, Teluk Intan mempunyai rizab tanah liat yang banyak. Jumlah keseluruhannya hampir 30,000 ekar. Berdasarkan kajian, Perak merupakan kawasan yang masih mempertahankan nilai pembentukan secara turun temurun, baik dari segi proses penciptaan mahupun rekabentuk tembikar. (Siti Zainon Ismail: 1986). Bahkan menurut penulis yang sama, Sayong dan Pulau Tiga merupakan tempat yang unik dalam menghasilkan tembikar iaitu dengan meniru alam semula jadi iaitu bentuk buah labu.

Dari aspek penghasilan rekacorak dan motif pula, kajian terhadap tembikar-tembikar yang menggunakan rekacorak organik dihasilkan secara lebih serius berbanding rekacorak primitif. Hal ini dikaitkan dengan rekacorak itu sendiri mempunyai simbol dan makna tertentu seperti motif pucuk rebung yang membawa makna kesuburan. (Wahiza Wahid: 2000). Sekiranya dilihat daripada aspek ini, rekacorak-rekacorak pada labu dan alatan pada tembikar yang lain menunjukkan motif organik, rekacorak berulang dan berselang seli. Dalam masa yang sama, pengamat-pengamat seni tembikar negara ini seperti Ham Rabiah Kamarun secara optimis menyatakan perkembangan tembikar adalah cerah. Ini berkaitan dengan para karyawan kini menurut beliau telah berjaya mempergunakan satu bahan yang paling asas seperti tanah liat kepada satu tahap yang paling canggih lagi istimewa, melalui *pengamatan proses pembuatan tradisional* (H Rabiah Kamarun: 2000).

Dari pengamatan-pengamatan di atas, clapat dikatakan seni tembikar di negeri ini mempunyai kesinambungan dari zaman berzaman. Ia menjadi salah satu aset yang perlu dipertahankan dan boleh dikembangkan.

Tekatan

Di samping itu, Perak juga terkenal dengan hasil kerja tangan lain. Antaranya ialah tekatan yang dikenali juga sebagai suji timbul atau sulaman timbul atau tekat bersuji. Namun ada juga kalangan yang mengenali suji untuk sulaman benang sutera. Pusat-pusat penghasilan tekat terutamanya di Kuala Kangsar, Sayong, Kota Lama Kanan, Kota Lama Kiri, Parit (Kampung Belania, Kampung Sadang) dan Teluk Intan. Sejarah kemunculan seni tekatan ini bermula sejak munculnya kemahiran membuat tekstil dan mungkin diperkenalkan oleh masyarakat China sebagaimana disebutkan oleh Winstedt bahawa Emperor China pada awal abad ke-15, menghantar kepada Raja Melaka baldu, sutera dan ‘guze’ bersulam dengan emas. Pada mulanya, seni tekat hanya berkembang di kalangan istana sahaja. Bahkan dari sudut etnografi, para pengusaha tekat sekarang ini pun ada yang mempunyai hubungan dengan keluarga diraja untuk menyediakan seni tekatan yang dipinta. Namun demikian seni ini berkembang juga ke luar istana dan sebahagian masyarakat menggunakan seni ini untuk tujuan majlis-majlis rasmi dan penting seperti peminangan, perkahwinan dan berkhatan. Semasa Sultan Abdullah Muhammad, Syah II (1874-1876) diberitakan baginda berpakaian rasmi yang dipenuhi dengan sulaman benang emas bermotifkan daun paku dan daun padi. Pada masa kini, seni ini terus lagi dipelihara. Malah pihak-pihak tertentu seperti Perbadanan Kraftangan mempromosikan kegiatan ini pada setiap kesempatan kebudayaan.

Seni Persembahan

Aspek seni persembahan khususnya seni persembahan tradisional, agak sukar untuk disentuh secara fizikal. Ia diwarisi secara turun temurun antaranya ialah dabus, tarian bubu, blotah dan zikir maulud. Pada kesempatan ini akan disentuh seni persembahan dabus dan blotah (lotah) secara ringkas khususnya dari aspek pensejarahannya. Berdasarkan maklumat dari Tuan Haji Ismail b. Yusuf yang mahir dalam dabus dan blotah serta lain-lain persembahan tradisional, beliau mewarisi kemahiran daripada Tuan Haji Salleh Jaafar. Menurut beliau dabus hanya di kenali di negeri Perak sahaja. Sehingga kini terdapat beberapa tempat seperti di Kg. Tanjung Bidara, Pulau Tiga, Kg. Gajah, Bagan Datoh, Hilir Perak dan Kg. Titi Panjang Laut Sitiawan, Daerah Manjung. Tidak ada rekod rasmi yang mencatat asal usulnya tetapi berdasarkan percakapan dari orang tua-tua, ia berasal dari Aceh atau Jambi. Ia mungkin juga dibawa oleh pedagang-pedagang Arab dan mulai dikenali oleh penduduk tempatan sejak 200 tahun yang silam. Sehingga kini seperti Tuan Haji Ismail Yusuf, kumpulan dabus masih boleh bertahan. Semasa dipersembahkan,

rangkap-rangkap pantun dan syair dipersembahkan dan ia mengandungi nasihat-nasihat kepada audiennya. Contoh rangkap yang dipersembahkan seperti:

Baju putih serban putih
Baju dipakai pergi sembahyang
Allah kasih, Muhammad kasih,
Rasulallah terlalu sayang.

Satu lagi kesenian ialah blotah yang dimainkan semasa mengirik padi. Cerita disebalik *seni persembahan ini dikatakan Bilal Botak yang kehilangan anak. Anaknya* menjelma dalam bentuk suara apabila keluarga Bilal Botak ini menyanyikan sambil mengirik padi di atas pelantar. Seni ini mula berkembang pada awal kurun ke-19. Namun menjelang 1940-an, temasya ini jarang diadakan oleh penduduk setempat. Sekiranya tiada langkah-langkah wajar diambil, kesenian ini akan hilang ditelan zaman.

Kesimpulan

Sesungguhnya Negeri Perak kaya dengan seninya. Antara yang menjadi kebanggaan adalah seni tembikarnya. Dari sudut pandangan budaya dan pemuliharaan hasil-hasil budaya, pada kesempatan yang lain terdahulu daripada ini saya telah mencadangkan negeri ini perlu mendirikan sebuah muzium yang khusus untuk mempamerkan tembikar-tembikarnya. Muzium ini mungkin lebih bermakna jika ia boleh melahirkan generasi yang mampu mewarisi seni tembikarnya yang unik itu. Pihak-pihak lain seperti yang telah dilakukan oleh Perbadanan Kraftangan, menubuhkan pusat kajian dan penyelidikan tembikar di Enggor. Lebih jauh lagi, Universiti Teknologi Mara, telahpun mempunyai sebuah Jabatan iaitu Jabatan Seramik di bawah Fakulti Seni Lukis dan Seni Rekanya yang boleh memberikan sumbangan kepada seni tembikarnya. Langkah ini pasti boleh memberikan nafas baru dan sumbangan besar kepada usaha-usaha memelihara dan memperkembangkan warisan bangsa di samping dapat bersaing di pasaran semasa.

Justeru itu, tugas untuk mengkaji dan melihat kembali nilai-nilai muni budaya asal negeri ini perlu diwujudkan.

...
Maklumat ini dibuat untuk membantu pengajar dan pengembara.
Berucap, Perak, yang merupakan negeri
Ach.

...
maka mudah manfaat yang boleh wujud
menjadi amal ibu dan anak yang berjaya
(ulang 2 ad hukuk) Amal yang berjaya




Arca Bodhisattwa Awalokiteswara yang dijumpai di Bidor, Perak (Abad ke 7-10 Masihi).



Arca Buddha yang dijumpai di Pengkalan, dekat Ipoh, Perak.




Arca seorang Sami atau Brahmin (mungkin penduduk Samai Yusuf Agastya) yang dijumpai di Jalong, dekat Chemor, Perak (Abad ke 9 Masihi).



Labu Sayong, Kuala Kangsar, Perak.



Tekatan, Kuala Kangsar, Perak.



Makam Raja Beruas di Kampung Kota, Beruas, Perak yang menggunakan nisan Aceh.

Bibliografi

- Ham Rabiah Kamarun, 2000. "Tembikar Moden di Malaysia Satu Kesinambungan" dalam *Seminar Tembikar Dari Warisan Ke Wawasan*, Lembaga Muzium Selangor.
- Misroni Haji Sulaiman, 2000. "Tembikar Moiden di Malaysia - Cabaran dan Harapan" dalam *Seminar Tembikar Dari Warisan ke Wawasan*, Lembaga Muzium Selangor.
- Othman Mohd Yatim, 1988. *Batu Acheh, Early Islamic Gravestones in Peninsular Malaysia*, Museum Association of Malaysia, Kuala Lumpur.
- Othman Yatim dan Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, 1994. *Beruas, Kerajaan Kuno di Perak*, Persatuan Muzium Malaysia, Muzium Negara Kuala Lumpur.
- Siti Zainon Ismail, 1986. *Rekabentuk Kraftangan Melayu Tradisi*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Syed Ahmad Jamal dan Othman Mohd. Yatim, 1980. "Srivijaya Art in Peninsular' Malaysia" dalam *The Art of Srivijaya*, UNESCO & Oxford University Press, Kuala Lumpur.
- Wahiza Wahid, 2000. "Tembikar Melayu Analisis Simbol dan Motif" dalam *Seminar Tembikar Dari Warisan Ke Wawasan*, Lembaga Muzium Selangor.
- Zuraina Majid, 1994, *The Excavation of Gua Gunung Runtuhan and The Discovery of The Perak Man in Malaysia*, Department of Museums and Antiquity Malaysia, Kuala Lumpur.